



BAYARAN YURAN SOKONGAN DALAM FRANCAIS DOBI LAYAN DIRI DARI PERSPEKTIF FIQH



56

MOHD HUEFIROS EFIZI BIN HUSAIN

DR. NOR FAHIMAH BINTI MOHD RAZIF

PROF. MADYA DATIN DR. NOOR NAEMAH BINTI ABD. RAHMAN

ABSTRACT

Yuran sokongan francais dobi layanan diri merupakan bayaran terhadap penggunaan jenama yang dimiliki oleh pemberi francais. Bayaran tersebut perlu ditunaikan oleh penerima francais selepas kontrak francais ditandatangani. Bayaran ini adalah berbeza mengikut kadar yang ditetapkan oleh pemberi francais dan mestilah dipersetujui oleh penerima francais. Walaubagaimanapun, timbul isu syariah dalam aspek pembayaran ini apabila kadar bayaran yang ditetapkan tidak jelas. Penetapan bayaran berdasarkan peratusan tertentu daripada hasil jualan perkhidmatan perniagaan francais membuka ruang pertelingkahan kerana hasil jualan perkhidmatan perniagaan adalah tidak tetap dan bergantung kepada keadaan pasaran. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengkaji yuran sokongan terhadap francais dobi layanan diri menurut perspektif fiqh. Bagi mencapai objektif kajian, kaedah kualitatif digunakan menerusi metod perpustakaan dan metod temu bual dalam proses mengumpul data. Seterusnya data-data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan kaedah deduktif dan kaedah komparatif. Hasil kajian mendapati bayaran yuran sokongan yang ditentukan mengikut jumlah hasil jualan pendapatan francais dobi layanan diri pada kadar peratusan tertentu adalah berlawanan dengan kontrak *ijarah* dan mengandungi unsur *gharar*. Dalam kontrak *ijarah*, bayaran sewa merupakan rukun kontrak dan setiap rukun terdapat syarat-syarat yang perlu dipenuhi. Ketidakpatuhan terhadap salah satu syarat rukun akan memberi kesan terhadap kesahan kontrak. Oleh yang demikian, kajian ini mencadangkan jumlah bayaran yuran sokongan dalam francais dobi layanan diri ditetapkan dengan jelas berpandukan kadar maksimum dan minimum hasil jualan perkhidmatan setiap bulan mengikut peratusan yuran sokongan sedia ada.

Kata laluan: Yuran sokongan, *al-ijarah*, francais & gharar.


INTRODUCTION

Terdapat syarikat francais dobi layanan diri menetapkan yuran sokongan yang perlu dibayar oleh penerima francais adalah 10% daripada kadar pendapatan setiap bulan.

Penetapan kadar peratusan tersebut berbentuk *gharar* dari perspektif syarak apabila dikenalpasti secara tidak jelas kepada kadar bayaran sebenar yang perlu dibayar oleh penerima francais.

Tidak dijumpai prinsip muamalat Islam yang menepati pelaksanaan kontrak dalam francais dobi layanan diri disebabkan oleh tiada bentuk perkongsian modal dan keuntungan atau kerugian sepanjang beroperasi.

METHODOLOGY



PRODUCT DESCRIPTION/ INNOVATION IN BRIEF

Tinjauan isu syariah terhadap penetapan yuran sokongan dalam francais dobi layanan diri dari perspektif hukum syarak

Mengenalpasti kaedah fiqh yang tepat atau bersesuaian untuk menganalisis isu syariah terbabit.

Pembentukan garis panduan bagi penyelesaian isu syariah melibatkan penetapan peratusan yuran sokongan dalam francais dobi layanan diri mengikut panduan hukum syarak yang sebenar.

PENELITIAN FIQH :

Penelitian *gharar* kerana ketidakjelasan penetapan kadar yuran sokongan dalam francais dobi layanan diri ditinjau berdasarkan syarat pembayaran yang ditentukan oleh prinsip muamalat Islam yang menghampiri dengan pelaksanaan francais iaitu *al-ijarah* yang telah disusun oleh Bank Negara Malaysia seperti dalam jadual di bawah :

Part	Rental
14.3	The contracting parties may agree for the rental amount; a) to be paid in a fixed amount b) to be determined via reference to a specified benchmark or formula; or c) to be paid using a combination of paragraph 14.3(a) and 14.3(b) above.
14.4	In respect of paragraph 14.3(b), the rental shall be subject to a minimum and maximum limit.

SHARIAH COMPLIANCES

* Pelaksanaan pembayaran perlu dilakukan dengan jelas dan menepati syarat yang telah disepakati bersama.

* Ketidakjelasan melakukan pembayaran boleh menyebabkan gharar kepada pihak yang terlibat sama ada menerima risiko kerugian dan kepentingan satu pihak sahaja.

* Maka, pembayaran yang membawa kesan *gharar* dan *majhul* perlu ditangani secara berhemat bagi memastikan ia bertepatan dengan hukum syarak demi memelihara kebajikan dan kemaslahatan pada setiap perkara yang sedang dilakukan.

"LEADING INNOVATION"

SIGNIFICANCES

Sebagai panduan untuk menjaga kebajikan dan memastikan setiap pihak berkontrak dalam francais dihindari kesan kerugian dan kepentingan sebelah pihak sahaja

Sebagai rujukan kepada Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) terhadap rancangan pelaksanaan perniagaan francais patuh syariah

Sebagai rujukan kepada penyelidik dan pengkaji dalam bidang Fiqh dan Muamalat Islam di Malaysia dan antarabangsa.

NOVELTY/ ORIGINALITY

Jadual 5.6: Syarat Persewaan Pembayaran Kontrak *al-ijarah*
Sumber : Kontrak *al-ijarah* Bank Negara Malaysia

CADANGAN GARIS PANDUAN
BAYARAN YURAN SOKONGAN
MENGIKUT PANDUAN SYARAK KEPADA
FRANCAIS DOBI LAYAN DIRI

Penetapan peratusan kadar maksimum bayaran yuran sokongan daripada kadar minimum jangkaan pendapatan yang diterima setiap bulan

Dan penetapan kadar minimum pula berdasarkan jumlah maksimum kos pembiayaan pembangunan outlet francais setiap bulan.

AWARDS :: PUBLICATION :: PATTERNS

DOUBLE GOLD AWARD & GOLD AWARD INNOCOM 2020	INTERNATIONAL JOURNAL OF FATWA BAYARAN TAMBAHAN DALAM KONTRAK FRANCAIS DOBI LAYAN DIRI DARI PERSPEKTIF HUKUM SYARAK (2021)
GOLD AWARD MITA UNIV. MALAYA 2020	INTERNATIONAL JOURNAL OF COMMUNICATION, MANAGEMENT AND HUMANITIES (IJCOMAH) ISU HUKUM PELAKSANAAN KONTRAK PERNIAGAAN DI MALAYSIA: SATU TINJAUAN LITERATUR (2020)
GOLD AWARD I-SIC 2019	JOURNAL OF AL-'ABQARI HUBUNGAN ANTARA FRANCAISOR DAN FRANCAISI DALAM PELAKSANAAN PERNIAGAAN FRANCAIS MENURUT AL-QUR'AN AL-KARIM (2020)
BEST PAPER AWARD NACOSS IV 2019	JOURNAL OF SAINS INSANI KELEBIHAN AL-'AQD DI KALANGAN USAHAWAN FRANCAIS BERLAINAN AGAMA (2020)
BAB 22 DALAM BUKU : ISU-ISU SEMASA ISLAM & SAINS (2018)	THE JOURNAL OF MUAMALAT AND ISLAMIC FINANCE RESEARCH APLIKASI AL-WAKALAH TERHADAP SISTEM PERNIAGAAN FRANCAIS (2019)
BAB 15 DALAM BUKU : COVID-19 DARI PERSPEKTIF FIQH & USUL FIQH (2021)	